

Anwar terima penghormatan tertinggi Peru

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menerima penghormatan tertinggi Peru, El Sol Del Peru yang bermaksud 'Mentari Peru', yang menjadikannya satu lagi pengiktirafan antarabangsa kepada Malaysia.

Anugerah berprestij itu adalah penghormatan sivil tertua di benua Amerika, yang diwujudkan pada 1821 selepas Peru mencapai kemerdekaan dari Sepa-

nyol, menjadikannya simbol bersejarah dalam diplomasi antarabangsa.

Anugerah berprestij 'Mentari Peru' berkenaan disampaikan Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra ketika pertemuan di Istana Kerajaan Peru, semalam.

Dalam ucapan penghormatannya, Anwar bersyukur atas pengiktirafan itu dan menganggap-

nya sebagai penghormatan kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Saya terima anugerah ini bagi pihak rakyat Malaysia dan kita menghargainya sebagai lambang persahabatan yang kukuh antara Malaysia dan Peru," katanya.

Perdana Menteri turut menyatakan bahawa lawatan beliau ke Peru adalah satu pencapaian bermakna kerana ia membawa beliau

sejauh mungkin dari Malaysia.

Katanya, lokasi Kuala Lumpur terletak di bahagian bertentangan bumi dari Peru, menggambarkan betapa jauhnya perjalanan ini.

Bagaimanapun, Anwar mengakui bahawa terdapat kesamaan antara Malaysia dan Peru yang tidak dapat diabaikan.

Beliau menyatakan bahawa kedua-dua negara berkongsi si-

fat masyarakat yang majmuk dan kepelbagaian biodiversiti, yang menjadi teras kepada hubungan persahabatan mereka.

"Seperti Malaysia, Peru juga adalah sebuah negara berbilang budaya dan mempunyai ekosistem yang megadiversiti. Kedua-dua negara turut berusaha menyesuaikan diri dengan perubahan geopolitik dan persaingan ekonomi global," jelasnya.